

# PM pandu pesawat pertama Malaysia

KUALA LUMPUR 4 Dis. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad memandu uji pesawat pertama buatan Malaysia, Eagle X-TS selama enam minit di udara hari ini.

Beliau memandu kapal terbang dua tempat duduk itu dengan bantuan juruterbang, Sciona Browne dari Australia setelah berlepas dari Stesen Tentera Udara Diraja Malaysia, Sungai Besi di sini.

Pesawat tersebut yang mampu terbang di paras ketinggian 3,650 meter dipandu uji oleh beliau pada ketinggian kira-kira 300 meter (1,005 kaki).

Eagle X-TS mempunyai kelajuan maksimum 130 knot (240 kilometer sejam).

Sejurus selepas keluar daripada pesawat tersebut, Dr. Mahathir mengucapkan tahniah kepada Pengerusi Eagle Aircraft Pty. Ltd., Datuk Dr. Omar Abdul Rahman dan Ketua Eksekutifnya, Peter Schoonens.

"Kawalan pesawat ini sangat sensitif. Mudah untuk dipandu," kata beliau kepada Dr. Omar dan Schoonens.

Dr. Mahathir memandu uji pesawat tersebut sejurus selepas tiba di pangkalan tersebut dari Langkawi di mana beliau menyaksikan persiapan terakhir Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi 1993.

Pesawat tersebut juga akan dipamerkan sempena pameran tersebut mulai Selasa.

Ketika bercakap kepada para pemberita Dr. Mahathir berkata, pengeluaran pesawat tersebut merupakan peringkat awal untuk membangunkan industri kapal terbang pada masa akan datang.

"Pesawat kecil boleh digunakan untuk tujuan pembelajaran, peribadi dan sebagainya," katanya.

Dr. Mahathir memberitahu, beliau yakin industri pengeluaran kapal terbang Malaysia akan mampu mengeluarkan peralatan

komponen untuk pesawat-pesawat yang bersaiz besar.

Perdana Menteri buat pertama kali telah mengumumkan rancangan kerajaan untuk mengeluarkan kapal terbang ringan pada 16 April lalu di Melaka.

Ketika mengumumkan perkara itu, beliau berkata, sebuah syarikat pembuat dan pengeluar kapal terbang Australia, Eagle Aircraft telah dibeli dengan harga AS10 juta (RM18.8 juta) sebagai persediaan bagi mencapai matlamat tersebut.

Projek tersebut dijalankan bersama oleh Composite Technology Research (Malaysia) Sdn. Bhd. sebuah syarikat milik penuh Perbadanan Menteri Kewangan manakala Petronas menjadi rakan kongsi dengan ekuiti sebanyak 60 peratus.

Pengerusi Petronas, Tan Sri Basir Ismail turut menyaksikan Perdana Menteri menguji terbang pesawat itu.

■ Lihat muka 4

## PM pandu pesawat pertama Malaysia

Sementara itu, Dr. Omar berkata, pesawat tersebut telah mendapat kelulusan Peraturan-Peraturan Kelayakan Bersama Untuk Pesawat Ringan (JAR VLA) pada 21 September lalu.

Kata beliau, pesawat tersebut juga akan mengadakan pertunjukan di Melaka dan dipandu uji oleh Ketua Menteri, Tan Sri Rahim Tamby Chik pada 18 Disember ini.